

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HMT 202 Fonetik dan Fonologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Apakah proses fonologi? Huraikan proses-proses fonologi yang penting di dalam bahasa Melayu:
  - (a) proses asimilasi nasal
  - (b) proses pengguguran konsonan
  - (c) proses penyisipan vokal
  - (d) proses neutralisasi
2. Definisikan secara ringkas konsep berikut, contoh-contoh di dalam bahasa Melayu mesti disertakan.
  - (a) fonem
  - (b) alofon
  - (c) diftong
  - (d) suku kata
3. Yunus Maris (1980, ms. 35) mentranskripsikan perkataan 'anjing' dan 'encik' sebagai [ anjɛŋ ] dan [ ɛŋcɛ? ] masing-masing. Tumpukan perhatian anda kepada segmen nasal palatal dan berikan hujah untuk menyokong analisis beliau.

4. Berikan sebab-sebab kenapa rumus-rumus fonologi perlu disusunaturkan. Contoh-contoh daripada proses fonologi bahasa Melayu dan derivasi proses-proses tersebut perlu disertakan.
5. Huraikan segmen-segmen bunyi bahasa Malaysia yang kehadirannya terhad pada posisi yang tertentu di dalam kata.
6. Berikan sebab-sebab kenapa fitur-fitur distingtif oposisi dua rangkap digunakan di dalam pemerian sesuatu segmen bunyi bahasa Melayu.

-oooOOOooo-